

BH
22/12/2015
mls 4

Eksklusif

Penemuan artifak dapat rungkai asal usul Jelebu

» *Alatan batu, sisa makanan berusia 14,000 tahun dedah bukti penting*

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bh.com.my

▀ Seremban

Universiti Sains Malaysia (USM) menemui artifak Paleolitik, tinggalan zaman prasejarah dipercayai berusia kira-kira 14,000 tahun lalu, yang pertama di selatan Semenanjung selepas sebelum ini ditemui di Perak dan Pantai Timur.

Artifak dalam bentuk alatan batu dan sisa makanan itu ditemui di Gua Pelangi, kira-kira 20 kilometer dari pekan terdekat, Simpang Perang di Jelebu.

Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM, Prof Datuk Dr Mohd Mokhtar Saidin, berkata penemuan itu sangat penting kerana mendedahkan bukti Paleolitik di kawasan selatan Semenanjung, sekali gus dapat menerangkan asal usul Negeri Sembilan dan daerah Jelebu.

20 alatan batu

“Artifak itu juga dapat menggambarkan laluan kuno Paleolitik, iaitu pergerakan manusia awal ke selatan, maklumat yang selama ini ha-



Pemandangan Gua Pelangi, Jelebu.

USM, 12 kakitangan media USM, seorang pelajar sarjana arkeologi dan 10 penduduk tempatan, tidak menolak kemungkinan wujud artifak lain di sekitar Gua Pelangi.


“Bagaimanapun, ia memerlukan kajian lebih terperinci yang akan dilakukan tidak lama lagi,” katanya.

Katanya, USM mendapat maklumat mengenai kewujudan gua berkenaan daripada seorang pengurus sebuah syarikat di FELDA Pasoh 4, Jelebu sebelum melakukan tinjau-

uan awal pada 11 hingga 13 April tahun lalu.

“Tinjauan itu menemui potensi untuk melakukan kajian lanjut. Penggalan dilakukan dua kali pada tahun ini, iaitu antara 6 hingga 30 April serta antara 28 Mei hingga 12 Jun lalu.

“Kawasan tanah di gua itu digali sedalam kira-kira dua meter dari permukaan dengan lapisan terdalam memberikan tarikh kronometrik sekitar 14,000 tahun lalu,” katanya.



Penemuan alat batu unifas berusia sekitar 14,000 tahun dahulu di Gua Pelangi, Jelebu.

[FOTO IHSAN USM]





Kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM **melakukan kerja ekskavasi dengan teliti.**

nya ditemui di utara dan timur Semenanjung. Artifak yang ditemui ialah 20 alatan batu yang dipercayai digunakan untuk memburu, memungut dan menyediakan makanan.

“Alatan batu berkenaan yang kini masih pada peringkat analisis juga mempunyai persamaan dengan alatan batu berusia 14,000 tahun yang ditemui di tapak di Perak dan Pantai Timur,” katanya kepada BH, semalam.

Mohd Mokhtar berkata, artifak lain yang ditemui ialah lebih 50 kilogram sisa makanan, kebanyakannya cengkerang siput sedut sungai serta tulang babi hutan, monyet dan rusa, menunjukkan ada kehidupan manusia akhir paleolitik di situ.

“Gua Pelangi menjadi pilihan manusia ketika itu berdasarkan bukti prasejarah di seluruh dunia yang menunjukkan gua sebagai rumah semula jadi kerana menyediakan bumbung dan dinding selain tempat pengebumian. Namun, setakat ini belum ditemui rangka manusia di Gua Pelangi,” katanya.

Wujud artifak lain

Beliau yang mengetuai pasukan penyelidikan bersama 10 kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

